

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

**SBU342 – Institusi-Institusi Pembangunan Islam**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan sahaja.

Jawapan hendaklah TEPAT dan PADAT. Tiap-tiap soalan memberikan jumlah markah yang sama, iaitu 100 markah.

1. Senaraikan prinsip-prinsip pembangunan berteraskan Islam. Apakah hubungan prinsip-prinsip ini dengan institusi-institusi pembangunan berteraskan Islam?
  
2. Senaraikan 3 (tiga) ayat Al-Qur'an atau hadith yang membincangkan tentang riba'. Secara kritis, bincangkan mesej-mesej yang ada di dalamnya.
  
3. Anda berhasrat membeli sebuah rumah berharga RM200,000.00 melalui pembiayaan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). Untuk memenuhi hasrat ini, produk BIMB yang manakah yang anda akan pakai? Apakah isu-isu yang timbul di sekitar produk ini? Apakah yang menyebabkan anda tetap memilih produk ini walaupun terdapat isu-isu berkenaan?
  
4. Bincangkan kekuatan, permasalahan dan isu-isu pengurusan zakat di Malaysia masa kini.

5. Syarikat Iman Sdn Bhd mempunyai sebuah ladang ternakan lembu secara besar-besaran. Pembekalan daging kepada jabatan-jabatan kerajaan adalah merupakan tujuan dan aktiviti utama syarikat ini.
- Dalam usaha ini, zakat apakah yang perlu dibayar oleh syarikat berkenaan?
  - Mengikut Akta Cukai Pendapatan 1967, bayaran zakat boleh ditolak dari jumlah cukai pendapatan yang dikenakan sekiranya bayaran zakat tersebut dibuat pada tahun pendapatan itu diperolehi dan disertakan dengan resit asal sebagai dokumen penyokong. Sekiranya Syarikat Iman terlupa membayar zakatnya sehingga 31 Disember 1999, ia terpaksa membayar cukai pendapatan sepenuhnya. Apakah tindakan yang patut diambil oleh Syarikat Iman untuk mengatasi masalah ini? Berikan alasan untuk menyokong tindakan tersebut.
6. Secara ringkas, terangkan prinsip operasi Ar-Rahnu. Huraikan perbezaan pelaksanaan prinsip ini yang diamalkan oleh Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT) dengan mana-mana SATU Ar-Rahnu di bawah:
- Ar-Rahn di Kelantan
  - Skim Ar-Rahnu di Bank Rakyat
  - Skim Pembiayaan Jangka Pendek Ar-Rahnu di Bank Islam Malaysia Berhad.